PENDEKATAN TEORI STRUKTURALISME DALAM KAJIAN ANTROPOLOGI BUDAYA: KAJIAN KES DI SABAH

(A STRUCTURALIST THEORETICAL APPROACH TO CULTURAL ANTHROPOLOGY: A CASE STUDY OF SABAH)

ZAKARIA, Z.[1] – RIDZUAN, M. I. M.[1*] – MODILI, C.[1] – KHOIRI, H. M.[2] – DUINONG, M.[3]

[1] *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

[2] *Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.*

[3] *Pusat Persediaan Sains dan Teknologi, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

**Penulis penghubung*
e-mail: ikhram[at]ums.edu.my

(Received 28th June 2026; revised 05th September 2026; accepted 17th September 2026)

Abstrak. Teori strukturalisme merupakan salah satu pendekatan penting dalam bidang sosiologi dan antropologi budaya yang berkembang pesat sekitar pertengahan abad ke-20. Pendekatan ini memberi penekanan terhadap kewujudan struktur sosial dan budaya yang mendasari tingkah laku manusia serta membentuk cara individu memahami dunia sekeliling mereka. Dalam konteks kajian budaya, strukturalisme melihat masyarakat sebagai satu sistem yang terdiri daripada pelbagai unsur yang saling berkaitan dan berfungsi secara kolektif untuk menghasilkan makna sosial. Artikel ini membincangkan secara mendalam latar belakang kemunculan teori strukturalisme, tokoh-tokoh utama yang mempeloporinya, premis asas teori, konsep-konsep utama, serta aplikasi dan sumbangannya dalam kajian budaya khususnya di Sabah. Perbincangan turut meneliti kekuatan dan keterbatasan teori ini dalam memahami perubahan sosial dan dinamika budaya masyarakat kontemporari. Dalam konteks Sabah yang mempunyai kepelbagaian etnik seperti Kadazan-Dusun, Bajau, Murut, Rungus dan lain-lain, teori strukturalisme menjadi satu pendekatan yang signifikan untuk memahami hubungan antara ritual, simbol, bahasa, mitos dan adat resam yang membentuk identiti budaya masyarakat. Melalui analisis terhadap amalan budaya seperti Pesta Kaamatan, ritual tradisional, sistem kekeluargaan dan simbol kepercayaan masyarakat tempatan, teori ini membantu menjelaskan bagaimana struktur budaya mempengaruhi pemikiran dan tindakan sosial individu. Selain itu, artikel ini turut membincangkan bagaimana globalisasi, urbanisasi dan perkembangan teknologi media telah membawa perubahan terhadap struktur budaya tradisional masyarakat Sabah. Dengan menggunakan pendekatan analitikal dan kritikal, artikel ini menunjukkan bahawa teori strukturalisme masih relevan sebagai kerangka memahami perubahan budaya dan identiti sosial dalam masyarakat moden di Malaysia.
Katakunci: *teori strukturalisme, antropologi budaya, identiti budaya, struktur sosial, Sabah*

Abstract. Structuralism is one of the most influential theoretical approaches in sociology and cultural anthropology, gaining prominence during the mid-twentieth century. The theory emphasises the existence of underlying social and cultural structures that shape human behaviour, social relations, and the ways individuals interpret their surrounding environment. Within cultural studies, structuralism views society as a system of interconnected elements that work collectively to produce and sustain social meaning.This article examines the historical development of structuralist theory, its principal scholars, fundamental assumptions, key concepts, and its contributions to cultural anthropology. Particular attention is given to its application in understanding the cultural diversity of Sabah. As a state characterised by rich ethnic and cultural plurality, including communities such as the Kadazan-Dusun, Bajau, Murut, and Rungus, Sabah provides a valuable context for exploring how rituals, symbols, language, myths, and customary practices contribute to the formation and maintenance of cultural identity. Drawing on examples such as the Kaamatan Festival, traditional rituals, kinship systems, and local belief systems, the article demonstrates how structuralist analysis can reveal the underlying cultural patterns that influence social behaviour and

collective understanding. The discussion further explores the impact of globalisation, urbanisation, and technological advancement on traditional cultural structures, highlighting the ways in which contemporary social changes have transformed cultural practices and identities within Sabah society. In addition, the article critically evaluates the strengths and limitations of structuralism as an analytical framework, particularly in explaining social change and cultural transformation in modern societies. Through a comprehensive and critical examination, this study argues that structuralism remains a relevant theoretical perspective for understanding the relationship between culture, identity, and social organisation in contemporary Malaysia.
Keywords: *structuralism, cultural anthropology, cultural identity, social structure, Sabah*

Pengenalan

Teori strukturalisme merupakan salah satu teori penting dalam tradisi sosiologi moden yang memberi perhatian kepada hubungan antara struktur sosial dengan tingkah laku manusia. Pendekatan ini menekankan bahawa manusia tidak bertindak secara bebas sepenuhnya, sebaliknya pemikiran dan tindakan mereka dipengaruhi oleh struktur sosial, budaya, bahasa dan simbol yang wujud dalam masyarakat (Lévi-Strauss, 1963). Dalam konteks ini, struktur dianggap sebagai asas utama yang menentukan bagaimana masyarakat berfungsi dan bagaimana individu memahami realiti sosial mereka. Pendekatan strukturalisme berbeza daripada pendekatan klasik yang lebih memberi penekanan terhadap tindakan individu kerana teori ini melihat masyarakat sebagai satu sistem yang tersusun dan saling berkaitan. Menurut Pugh-Kitingan (2012), identiti budaya Kadazandusun dibentuk melalui hubungan yang erat antara bahasa, adat resam, ritual, sistem kepercayaan dan organisasi sosial komuniti. Kesemua elemen ini saling berhubung dalam satu sistem budaya yang membentuk identiti kolektif masyarakat. Pandangan ini selaras dengan pendekatan strukturalisme yang melihat budaya sebagai satu struktur makna yang terhasil daripada hubungan antara pelbagai unsur sosial dan simbolik.

Kepentingan teori strukturalisme dapat dilihat melalui keupayaannya dalam menjelaskan bagaimana budaya berfungsi sebagai satu sistem makna yang kompleks. Dalam masyarakat yang mempunyai kepelbagaian budaya seperti Sabah, teori ini amat berguna untuk memahami hubungan antara adat, ritual, bahasa dan identiti etnik (Tangit, 2024; Low dan Sim, 2020). Sebagai contoh, dalam masyarakat Kadazan-Dusun, struktur sosial memainkan peranan penting dalam menentukan pembahagian tanggungjawab dalam keluarga dan komuniti. Peranan lelaki dan wanita, hubungan antara generasi tua dan muda, serta amalan ritual tradisional semuanya dipengaruhi oleh struktur budaya yang diwarisi sejak turun-temurun. Melalui pendekatan strukturalisme, unsur-unsur budaya ini dapat dianalisis secara sistematik bagi memahami makna dan fungsi sosialnya.

Selain itu, teori strukturalisme juga penting dalam kajian budaya kerana ia memberi tumpuan kepada hubungan antara elemen-elemen budaya dalam satu sistem yang lebih besar. Misalnya, sesuatu ritual bukan sahaja dilihat sebagai aktiviti keagamaan atau adat semata-mata, tetapi sebagai sebahagian daripada struktur sosial yang berfungsi mengekalkan solidariti masyarakat (Durkheim, 1984). Dalam konteks Sabah, festival seperti Pesta Kaamatan bukan sekadar sambutan menuai hasil pertanian, tetapi juga medium yang menghubungkan identiti budaya, hubungan sosial dan nilai komuniti masyarakat Kadazan-Dusun, Murut dan Rungus. Hussin (2005) menunjukkan bahawa ritual tradisional dalam masyarakat Kadazan-Dusun berfungsi sebagai medium pengukuhan hubungan sosial dan identiti budaya.

Kajian terkini turut menunjukkan bahawa struktur budaya di Sabah mengalami tekanan daripada pelbagai agen perubahan sosial. McHattie dan Teo (2024) menunjukkan bahawa komuniti peribumi Borneo terus menyesuaikan warisan budaya mereka dalam konteks perubahan sosial dan pembangunan moden. Selain itu, Pembangunan rentas sempadan dan perubahan geopolitik serantau turut memberikan implikasi terhadap struktur sosial dan ekonomi tempatan khususnya di kawasan Pantai Timur yang berhadapan dengan isu keselamatan bukan tradisional dan mobiliti penduduk (Ridzuan dan Maraining, 2025). Dalam kerangka ini, teori strukturalisme menyediakan landasan analitik yang kukuh untuk memahami bagaimana masyarakat mengekalkan identiti budaya mereka dalam era globalisasi yang pantas berubah. Artikel ini akan membincangkan secara menyeluruh mengenai teori strukturalisme bermula daripada konteks sejarah kemunculannya, tokoh utama yang mempeloporinya, konsep-konsep asas, aplikasi teori dalam kajian budaya, kekuatan dan kritikan terhadap teori ini, serta relevansinya dalam konteks masyarakat Malaysia khususnya di Sabah.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif konseptual berasaskan kaedah Analisis Kandungan Kualitatif (Qualitative Content Analysis) bagi meneroka aplikasi Teori Strukturalisme dalam sosiologi dan antropologi budaya di Sabah. Kajian ini tidak melibatkan kerja lapangan (fieldwork) secara fizikal, sebaliknya menumpukan kepada analisis teks kritis terhadap data etnografi sedia ada. Pendekatan ini selaras dengan tradisi penyelidikan konseptual dalam antropologi budaya yang menekankan analisis mendalam terhadap sumber-sumber primer dan sekunder yang berkaitan (Iskandar et al., 2022). Data bagi kajian ini diperoleh daripada dokumen primer dan sekunder yang berkaitan dengan etnografi Sabah dan Teori Strukturalisme. Pencarian literatur dilakukan secara sistematik menerusi pangkalan data akademik utama seperti Scopus, Google Scholar, MyCite (Malaysian Citation Index), dan repositori universiti tempatan seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan menggunakan kata kunci pencarian seperti "Strukturalisme", "Antropologi Budaya", "Etnografi Sabah", "Kebudayaan Etnik di Sabah", "Pesta Kaamatan" dan lain-lain kata kunci yang berkaitan dengan topik kajian.

Bagi memastikan kesahan dan kualiti data yang dianalisis, kriteria pemilihan ditetapkan seperti berikut. Kriteria Inklusi merangkumi: (1) Artikel jurnal berwasit, buku, dan tesis yang diterbitkan antara tahun 2016 hingga 2026; (2) Karya asli Claude Levi-Strauss; dan (3) Kajian kes empirikal/etnografi yang memfokuskan kepada budaya, ritual, atau mitos etnik di Sabah. Manakala Kriteria Eksklusi pula ialah artikel popular di blog, portal berita kasual, dan penulisan yang tidak melalui proses penilaian sejawat (peer-review). Bagi proses analisis data, teks yang dikumpul daripada penulisan etnografi Sabah dianalisis menggunakan kaedah Analisis Tematik (Thematic Analysis). Langkah pengkodan (coding) dilakukan dengan membahagikan data budaya Sabah kepada tema-tema khusus yang telah ditetapkan supaya selari dengan instrumen Strukturalisme berdasarkan Tema Kod Binari, Tema Struktur Makna dan Tema Transformasi Budaya. Pendekatan analisis tematik yang digunakan dalam kajian ini konsisten dengan amalan penyelidikan kualitatif dalam kajian antropologi budaya kontemporari.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Konteks sejarah dan kemunculan teori strukturalisme

Teori strukturalisme muncul dalam konteks perubahan sosial yang pesat di Eropah selepas Perang Dunia Kedua. Tempoh ini menyaksikan masyarakat mengalami transformasi besar akibat urbanisasi, industrialisasi, perkembangan teknologi dan perubahan sistem ekonomi. Keadaan ini menyebabkan para sarjana mula mencari pendekatan baharu untuk memahami tingkah laku manusia dan hubungan sosial dalam masyarakat moden (Durkheim, 1984). Dalam suasana tersebut, pendekatan strukturalisme berkembang sebagai satu usaha untuk melihat masyarakat secara lebih sistematik dengan memberi penekanan terhadap struktur yang mendasari kehidupan sosial manusia. Perubahan sosial selepas perang turut membawa pelbagai isu seperti ketidaksamaan sosial, konflik identiti, perubahan institusi keluarga dan pengaruh budaya moden terhadap masyarakat tradisional. Di Eropah, perubahan ini mencetuskan persoalan tentang bagaimana manusia membina makna dalam dunia yang semakin kompleks. Fenomena pembangunan Baharu di wilayah jiran seperti pemindahan ibu negara Indonesia ke Kalimantan Timur berpotensi mengubah corak mobiliti, aktiviti ekonomi dan hubungan sosial Masyarakat di Sabah (Ridzuan et al., 2024a). Manakala proses urbanisasi di bandar seperti Kota Kinabalu telah mengubah cara hidup masyarakat tradisional, termasuk pola pekerjaan, hubungan kekeluargaan dan amalan budaya (McHattie dan Teo, 2024).

Migrasi penduduk dari luar bandar ke bandar menyebabkan berlakunya perubahan dalam interaksi sosial masyarakat. Generasi muda semakin terdedah kepada budaya moden dan media digital, sekali gus mempengaruhi pemeliharaan tradisi budaya tempatan. Konflik antara tradisi dan moderniti menjadi salah satu isu penting dalam masyarakat Sabah. Generasi muda Kadazan-Dusun kini berhadapan dengan cabaran pemeliharaan bahasa dan budaya dalam persekitaran global yang semakin berubah (Tangit, 2024). Walau bagaimanapun, ritual dan simbol budaya masih memainkan peranan penting dalam membentuk identiti etnik dan solidariti sosial. Kajian McHattie dan Teo (2024) tentang hubungan peribumi dengan seni kraftangan dan bahan vernakular di Borneo menunjukkan bahawa kebijaksanaan tradisional dan pengetahuan asli masih memainkan peranan penting dalam mengekalkan warisan budaya, walaupun dalam konteks persekitaran moden yang berubah. Kemunculan teori strukturalisme juga banyak dipengaruhi oleh perkembangan ilmu linguistik, khususnya pemikiran Ferdinand de Saussure. Saussure (1983) menegaskan bahawa bahasa merupakan satu sistem tanda yang tersusun dan makna sesuatu perkataan hanya dapat difahami melalui hubungannya dengan perkataan lain dalam sistem bahasa tersebut. Beliau membezakan antara "langue" iaitu sistem bahasa secara keseluruhan dengan "parole" iaitu penggunaan bahasa oleh individu. Idea ini kemudiannya mempengaruhi Claude Levi-Strauss dalam mengembangkan pendekatan strukturalisme dalam antropologi budaya. Lévi-Strauss (1963) percaya bahawa budaya manusia juga mempunyai struktur tersembunyi yang boleh dianalisis seperti bahasa.

Dalam konteks budaya Sabah, pendekatan ini membantu memahami bagaimana bahasa, simbol dan ritual membentuk identiti budaya masyarakat. Kajian Tangit (2024) tentang ideologi bahasa dan budaya Kadazandusun di Sabah, Malaysia Borneo menunjukkan bahawa bahasa bukan sekadar alat komunikasi tetapi merupakan medium penting dalam pembentukan identiti etnik dan kesinambungan budaya. Penggunaan bahasa ibunda dalam upacara tradisional bukan sahaja berfungsi sebagai alat

komunikasi tetapi juga simbol identiti etnik dan kesinambungan budaya. Oleh itu, teori strukturalisme muncul sebagai satu pendekatan penting untuk memahami bagaimana struktur sosial dan budaya mempengaruhi kehidupan manusia secara kolektif.

Pelopor dan latar belakang intelektual teori strukturalisme

Tokoh paling penting dalam perkembangan teori strukturalisme ialah Claude Levi-Strauss. Beliau dilahirkan pada tahun 1908 di Brussels dan kemudiannya menjadi seorang ahli antropologi terkenal di Perancis. Levi-Strauss dikenali sebagai bapa antropologi struktural kerana beliau berjaya mengembangkan pendekatan yang melihat budaya sebagai satu sistem struktur yang mempunyai pola tertentu (Lévi-Strauss, 1963). Kajian beliau banyak tertumpu kepada masyarakat tradisional dan bagaimana mitos, ritual serta simbol berfungsi dalam membentuk kehidupan sosial manusia. Sumbangan beliau dalam memahami mitos melalui analisis struktur binari telah membuka dimensi baharu dalam antropologi budaya moden (Lévi-Strauss, 1963). Pemikiran Levi-Strauss banyak dipengaruhi oleh Ferdinand de Saussure yang memperkenalkan konsep bahawa bahasa terdiri daripada sistem tanda yang saling berkaitan. Saussure (1983) membezakan antara "langue" iaitu sistem bahasa secara keseluruhan dengan "parole" iaitu penggunaan bahasa oleh individu. Idea ini memberi inspirasi kepada Levi-Strauss untuk melihat budaya sebagai satu sistem yang mempunyai struktur tersembunyi di sebalik amalan sosial manusia. Menurut perspektif linguistik struktural ini, setiap elemen dalam sistem budaya memperoleh maknanya bukan secara mutlak, tetapi melalui perbezaan dan hubungannya dengan elemen-elemen lain dalam sistem yang sama. Selain Saussure, pemikiran Emile Durkheim turut memberi pengaruh besar terhadap perkembangan strukturalisme. Durkheim (1984) menekankan bahawa fakta sosial wujud di luar individu dan mempunyai kuasa untuk mempengaruhi tingkah laku manusia. Beliau melihat masyarakat sebagai satu sistem yang memerlukan keseimbangan dan solidariti untuk terus berfungsi. Idea ini kemudiannya diadaptasi oleh Levi-Strauss dalam analisisnya terhadap budaya dan ritual masyarakat tradisional. Konsep solidariti organik dan mekanikal Durkheim memberikan asas penting bagi pemahaman tentang bagaimana masyarakat mengekalkan kesatuan sosial melalui simbol dan ritual bersama.

Karya-karya utama Levi-Strauss seperti Structural Anthropology (1963) dan Tristes Tropiques menjadi asas penting kepada teori strukturalisme. Dalam karya tersebut, beliau menghuraikan bagaimana mitos dan ritual mempunyai struktur tertentu yang berfungsi mengekalkan hubungan sosial dalam masyarakat. Beliau juga menegaskan bahawa budaya yang kelihatan berbeza sebenarnya mempunyai pola pemikiran yang hampir sama kerana semua masyarakat manusia berkongsi struktur mental yang serupa. Menurut Lévi-Strauss (1963), mitos dan ritual mengandungi struktur simbolik yang membentuk makna budaya masyarakat. Dalam konteks Sabah, pendekatan Levi-Strauss boleh digunakan untuk menganalisis ritual budaya seperti Pesta Kaamatan, upacara penyembuhan tradisional dan adat perkahwinan masyarakat etnik. Ritual-ritual ini bukan sahaja mencerminkan kepercayaan masyarakat tetapi juga berfungsi sebagai struktur sosial yang mengukuhkan identiti dan perpaduan komuniti. Kajian Low dan Sim (2020) tentang naratif rakyat masyarakat Tambunan Dusun di Sabah mendedahkan bagaimana elemen kelahiran, permulaan dan kematian dalam cerita rakyat membentuk satu struktur makna yang koheren dalam sistem kepercayaan masyarakat tersebut, sekaligus mengesahkan relevansi pendekatan strukturalis dalam konteks Borneo.

Premis, konsep teras dan hujah utama teori strukturalisme dalam kajian antropologi budaya di Sabah

Aplikasi teori strukturalisme dalam konteks Pesta Kaamatan Sabah

Konsep utama dalam teori strukturalisme ialah struktur, simbol dan makna. Struktur merujuk kepada pola hubungan yang wujud dalam masyarakat, manakala simbol pula menjadi medium untuk menyampaikan makna budaya. Dalam masyarakat Kadazan-Dusun, Murut dan Rungus (KDMR) misalnya, simbol-simbol yang digunakan dalam Pesta Kaamatan mempunyai makna mendalam berkaitan hubungan manusia dengan alam dan semangat padi (Hussin, 2005). Ritual ini bukan sahaja meraikan hasil tuaian tetapi juga memperkukuhkan solidariti sosial dalam komuniti. Sambutan Pesta Kaamatan yang berlangsung sepanjang bulan Mei setiap tahun merupakan manifestasi jelas tentang bagaimana struktur budaya berfungsi sebagai mekanisme penyatuan sosial. Teori strukturalisme juga menggunakan model analisis yang melihat budaya sebagai satu sistem yang saling berkaitan. Bahasa, ritual, adat dan simbol tidak boleh difahami secara terpisah kerana semuanya berfungsi dalam satu keseluruhan budaya. Dalam konteks Sabah, pendekatan ini membantu menjelaskan bagaimana pelbagai elemen budaya membentuk identiti etnik dan hubungan sosial masyarakat tempatan (Barlocco, 2011). Kajian Barlocco (2011) tentang Pesta Kaamatan sebagai tapak pertarungan identiti antara komuniti minoriti dan negara menggambarkan kompleksiti struktur sosial yang mendasari festival ini. Dalam perspektif strukturalis, perebutan makna dalam Pesta Kaamatan mencerminkan oposisi binari antara tradisi dan modeniti, antara identiti etnik dan identiti nasional.

Melalui teori strukturalisme juga, ritual dalam Pesta Kaamatan boleh difahami sebagai sistem simbol yang menyampaikan makna sosial tertentu. Upacara seperti "Magavau" misalnya merupakan ritual tradisional yang dilakukan oleh bobohizan atau pendeta wanita untuk memanggil dan menghormati semangat padi selepas musim menuai. Ritual ini mengandungi pelbagai simbol seperti penggunaan pakaian tradisional, alat muzik gong, tarian sumazau dan bacaan mantera dalam bahasa Kadazan-Dusun, Murut dan Rungus. Kesemua elemen ini saling berkaitan dalam satu struktur budaya yang berfungsi mengukuhkan hubungan komuniti dan identiti etnik masyarakat. Hussin (2005) menunjukkan bahawa ritual dan simbol budaya masyarakat Kadazan-Dusun mempunyai fungsi sosial dan budaya yang signifikan. Selain itu, tarian sumazau yang dipersembahkan semasa Pesta Kaamatan juga mempunyai makna simbolik yang mendalam. Gerakan tangan penari yang menyerupai kepak burung helang melambangkan hubungan manusia dengan alam dan semangat kebebasan. Dalam perspektif strukturalisme, tarian ini bukan sekadar hiburan tetapi sebahagian daripada sistem simbol budaya yang diwarisi turun-temurun. Muzik gong yang mengiringi tarian pula berfungsi sebagai medium komunikasi sosial yang menyatukan masyarakat dalam suasana kolektif. Kajian Ku Chun Moi (2019) tentang muzik dan tradisi lisan masyarakat Kadazan Dusun di Membakut, Sabah menunjukkan bahawa konvergensi budaya dalam tradisi muzik merupakan satu proses dinamik di mana struktur budaya lama berinteraksi dengan pengaruh baharu, menghasilkan bentuk ekspresi budaya yang baharu namun masih mengekalkan elemen struktural teras.

Bahasa, mitos dan sistem kepercayaan

Di samping itu, teori strukturalisme juga dapat digunakan untuk memahami peranan bahasa dalam budaya masyarakat Sabah. Bahasa bukan sekadar alat komunikasi, tetapi

merupakan struktur yang membentuk cara masyarakat memahami dunia mereka. Dalam masyarakat Kadazan-Dusun, Murut, Rungus dan lain-lain, penggunaan bahasa ibunda dalam ritual dan adat resam memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti budaya. Tangit (2024) dalam kajiannya mendapati bahawa ideologi bahasa dalam komuniti Kadazandusun secara langsung membentuk dan mencerminkan ideologi budaya yang lebih luas, mengesahkan pandangan Saussure bahawa bahasa bukan sekadar medium komunikasi tetapi sistem yang membentuk pemikiran. Mantera dan doa tradisional yang dibacakan dalam bahasa etnik tertentu mempunyai makna simbolik yang tidak dapat diterjemahkan sepenuhnya ke dalam bahasa lain. Sebagai contoh, dalam ritual penyembuhan tradisional masyarakat Kadazan-Dusun, bobohizan menggunakan bahasa ritual tertentu yang dipercayai mempunyai kuasa spiritual. Dari sudut strukturalisme, bahasa ritual ini membentuk satu sistem makna yang menghubungkan manusia dengan dunia spiritual. Penggunaan istilah dan simbol tertentu dalam ritual menunjukkan bahawa bahasa bukan hanya medium komunikasi, tetapi juga alat untuk mengekalkan struktur kepercayaan masyarakat. Jika bahasa tradisional semakin dilupakan akibat globalisasi dan pengaruh budaya moden, maka sebahagian struktur budaya masyarakat juga akan turut terhakis. Tangit (2024) menegaskan bahawa pemeliharaan bahasa ibunda memainkan peranan penting dalam kesinambungan budaya Kadazandusun.

Mitos dan cerita rakyat turut menjadi elemen penting dalam analisis strukturalisme. Lévi-Strauss (1963) melihat mitos sebagai satu sistem pemikiran yang mempunyai struktur tertentu dan berfungsi untuk menjelaskan realiti sosial masyarakat. Dalam masyarakat Sabah, terdapat pelbagai mitos yang berkaitan dengan asal-usul manusia, alam semula jadi dan semangat nenek moyang. Mitos tentang Huminodun dalam masyarakat Kadazan-Dusun merupakan contoh penting dalam memahami struktur budaya masyarakat tersebut. Menurut legenda, Huminodun ialah anak kepada Kinoingan yang dikorbankan demi menyelamatkan manusia daripada kebuluran. Daripada pengorbanannya, tumbuhlah padi yang menjadi sumber makanan masyarakat. Pugh-Kitingan (2012) menjelaskan bahawa kisah Huminodun merupakan naratif asas dalam kosmologi Kadazandusun yang menerangkan hubungan antara manusia, alam dan kuasa spiritual. Selaras dengan itu, Low dan Sim (2020) menunjukkan bahawa naratif rakyat Dusun mengandungi struktur simbolik yang berkaitan dengan kelahiran, kehidupan dan kematian. Struktur ini memperlihatkan bagaimana mitos berfungsi sebagai mekanisme pemindahan nilai budaya dan pandangan dunia masyarakat daripada satu generasi kepada generasi berikutnya. Dari sudut strukturalisme, mitos Huminodun ini mengandungi struktur dualisme seperti kehidupan dan kematian, pengorbanan dan kelangsungan hidup, manusia dan alam. Lévi-Strauss (1963) menjelaskan bahawa mitos berfungsi sebagai sistem pemikiran yang menghubungkan unsur alam dan budaya melalui struktur simbolik. Struktur oposisi binari ini membantu masyarakat Kadazan-Dusun memahami hubungan mereka dengan alam dan kepentingan nilai pengorbanan dalam kehidupan sosial. Oleh itu, mitos bukan sekadar cerita tradisional tetapi berfungsi sebagai struktur pemikiran yang membentuk nilai budaya masyarakat (Low dan Sim, 2020).

Adat resam dan sistem kekeluargaan

Dalam masyarakat Bajau pula, adat resam yang berkaitan dengan perkahwinan menunjukkan bagaimana struktur sosial menentukan hubungan dalam komuniti. Adat seperti pemberian berian atau hantaran perkahwinan mencerminkan kedudukan sosial

keluarga dan hubungan kekeluargaan dalam masyarakat. Setiap proses dalam majlis perkahwinan mempunyai simbol dan aturan tertentu yang mesti dipatuhi. Dari perspektif strukturalisme, adat ini berfungsi untuk mengekalkan keseimbangan sosial dan mengukuhkan hubungan antara keluarga serta komuniti. Sistem pertukaran dalam adat perkahwinan mencerminkan prinsip timbal balik (reciprocity) yang merupakan salah satu struktur asas dalam sistem sosial menurut analisis Levi-Strauss. Begitu juga dalam masyarakat Murut, ritual tradisional yang melibatkan upacara pemujaan dan tarian perang mempunyai fungsi sosial yang penting. Dahulu, tarian dan ritual tertentu dilakukan sebagai persediaan sebelum peperangan atau pemburuan kepala. Walaupun amalan tersebut tidak lagi diamalkan, simbol dan tarian tradisional masih dipelihara sebagai warisan budaya. Dalam analisis strukturalisme, perubahan fungsi ritual ini menunjukkan bagaimana struktur budaya boleh berubah mengikut keadaan sosial, tetapi simbol dan makna asasnya masih dikekalkan sebagai identiti budaya masyarakat (Hussin, 2005). Fenomena ini menggambarkan daya tahan struktur budaya yang mampu beradaptasi dengan persekitaran sosial yang berubah tanpa kehilangan intipati simboliknya.

Teori strukturalisme, globalisasi dan perubahan budaya di Sabah

Teori strukturalisme juga membantu memahami perubahan budaya akibat globalisasi dan modeniti di Sabah. Pembangunan bandar, pendidikan moden dan media sosial telah membawa perubahan terhadap cara masyarakat memahami budaya tradisional mereka. Generasi muda kini lebih terdedah kepada budaya global melalui internet dan media digital. Walau bagaimanapun, festival budaya seperti Pesta Kaamatan masih terus diraikan dan dipromosikan sebagai simbol identiti masyarakat Sabah. Dalam konteks ini, struktur budaya tradisional mengalami penyesuaian tetapi tidak hilang sepenuhnya (McHattie dan Teo, 2024). Kajian Rosazman Hussin (2006) turut menunjukkan bahawa komuniti peribumi di Sabah mempunyai keupayaan untuk menyesuaikan amalan budaya mereka dengan perubahan ekonomi dan pembangunan tanpa mengorbankan identiti budaya yang menjadi asas kehidupan komuniti. Penyesuaian ini memperlihatkan bahawa struktur budaya tradisional bukanlah statik, sebaliknya mampu berubah mengikut konteks sosial sambil mengekalkan fungsi simbolik dan identiti kolektif masyarakat. Kajian tentang impak globalisasi terhadap identiti budaya menunjukkan bahawa pemeliharaan warisan budaya semakin dibantu oleh penggunaan teknologi digital dan dokumentasi budaya (Gwerevende dan Mthombeni, 2023). Fenomena ini menggambarkan paradoks globalisasi yang dikemukakan oleh para sarjana, di satu pihak, globalisasi mendatangkan tekanan homogenisasi ke atas budaya tempatan, tetapi di pihak lain, ia juga menyediakan alat baharu untuk pemeliharaan dan revitalisasi budaya. Dari sudut strukturalisme, peralatan digital ini boleh dilihat sebagai medium baharu untuk memindahkan dan memelihara struktur budaya yang telah sedia ada, bukan menggantikannya dengan struktur baharu.

Sebagai contoh, pertandingan Unduk Ngadau yang diadakan semasa Pesta Kaamatan pada asalnya berkait dengan penghormatan terhadap semangat Monozibung ke atas pengorbanannya kepada masyarakat pada zaman dahulu kala, namun kini turut menjadi platform pelancongan dan promosi budaya Sabah. Dari sudut strukturalisme, perubahan ini menunjukkan bagaimana struktur budaya boleh disesuaikan dengan konteks moden tanpa menghilangkan simbol asalnya. Barlocco (2011) menunjukkan bahawa identiti budaya masyarakat Sabah terus dinegosiasikan dalam konteks sosial dan politik yang berubah. Media sosial juga memainkan peranan dalam memperkenalkan budaya

Kadazan-Dusun kepada generasi muda melalui video tarian tradisional, lagu etnik dan dokumentasi ritual budaya. Tangit (2024) menunjukkan bahawa bahasa dan identiti budaya terus diperkukuh melalui pelbagai medium komunikasi kontemporari. Kajian ini menunjukkan bahawa transformasi digital tidak semestinya membawa kepada penghakisan budaya, sebaliknya ia boleh menjadi agen pemerkasaan budaya apabila digunakan secara strategik oleh komuniti peribumi. Dalam menangani cabaran globalisasi, komuniti peribumi di Sabah turut menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai wadah untuk mendokumentasikan dan menyebarkan warisan budaya. Kajian tentang penggunaan teknologi media digital untuk revitalisasi sistem pengetahuan peribumi menunjukkan bahawa inisiatif pemeliharaan bahasa melalui platform digital telah membuka peluang baharu bagi komuniti peribumi untuk mengekalkan struktur budaya mereka dalam persekitaran yang berubah (Gwerevende dan Mthombeni, 2023). Dalam konteks Sabah, usaha seumpama ini boleh dilihat melalui pelbagai program digital yang merakam dan menyebarkan lagu-lagu tradisional, cerita rakyat dan upacara adat masyarakat etnik tempatan.

Kajian terbaru oleh Widodo et al. (2025) tentang adaptasi sosiobulaya diaspora Jawa di Sabah juga menawarkan perspektif yang menarik tentang bagaimana struktur budaya berubah dalam konteks migrasi. Kajian ini mendapati bahawa perubahan nama peribadi dalam komuniti diaspora mencerminkan perubahan ideologi budaya yang lebih luas, menggambarkan bagaimana struktur identiti disesuaikan dalam respons terhadap tekanan sosial dan sejarah. Penemuan ini memperkukuhkan premis strukturalis bahawa perubahan dalam satu elemen sistem budaya akan memberi impak kepada elemen-elemen lain dalam sistem tersebut.

Kekuatan dan keterbatasan teori strukturalisme

Asas teori strukturalisme

Teori strukturalisme berasaskan kepada andaian bahawa kehidupan manusia dibentuk oleh struktur sosial dan budaya yang lebih besar daripada individu itu sendiri. Dalam pendekatan ini, manusia tidak dianggap bertindak secara bebas sepenuhnya kerana pemikiran, bahasa dan tingkah laku mereka dipengaruhi oleh sistem budaya yang diwarisi dalam masyarakat. Struktur sosial ini merangkumi adat, bahasa, simbol, ritual dan norma sosial yang menentukan bagaimana manusia memahami dunia (Lévi-Strauss, 1963). Oleh itu, objektif utama analisis struktural adalah untuk mendedahkan struktur yang tersembunyi di sebalik fenomena budaya yang kelihatan berbeza-beza di permukaan. Salah satu premis terpenting dalam teori strukturalisme ialah konsep "oposisi binari" (binary opposition). Levi-Strauss berhujah bahawa minda manusia secara semula jadi memproses maklumat melalui pasangan pertentangan seperti alam/budaya, mentah/masak, lelaki/wanita, dan hidup/mati. Pasangan pertentangan ini bukan sekadar elemen naratif tetapi merupakan struktur asas yang membentuk pemikiran manusia dan ekspresi budaya. Menurut Lévi-Strauss (1963), mitos, ritual dan sistem kepercayaan merupakan manifestasi struktur pemikiran manusia yang tersusun melalui hubungan simbolik dan oposisi binari. Oleh itu, pemeliharaan budaya tempatan boleh difahami sebagai usaha mengekalkan struktur makna yang mendasari kehidupan sosial sesebuah masyarakat.

Kekuatan teori strukturalisme

Teori strukturalisme mempunyai beberapa kekuatan utama yang menjadikannya sebagai pendekatan yang berguna dalam kajian budaya. Pertama, teori ini memberikan kerangka analitik yang sistematik untuk memahami budaya sebagai satu sistem yang saling berkaitan. Dengan melihat budaya sebagai satu keseluruhan yang tersusun, teori ini membolehkan penyelidik memahami bagaimana pelbagai elemen budaya berfungsi secara bersama untuk menghasilkan makna sosial. Pendekatan sistematik ini membolehkan perbandingan antara budaya-budaya yang berbeza untuk mengenal pasti corak dan struktur yang universal dalam pemikiran manusia (Lévi-Strauss, 1963). Kedua, teori strukturalisme berjaya menunjukkan bahawa budaya-budaya yang kelihatan berbeza sebenarnya berkongsi pola pemikiran yang serupa. Dalam konteks Sabah, ini membantu memahami kesamaan struktural antara budaya Kadazan-Dusun, Bajau, Murut dan etnik-etnik lain walaupun terdapat perbezaan dalam manifestasi luaran amalan budaya mereka. Kajian Hussin (2005) menunjukkan bahawa ritual padi dalam masyarakat Kadazan-Dusun bukan sekadar amalan keagamaan, tetapi merupakan sistem simbol yang menghubungkan manusia, komuniti dan alam sekitar. Hal ini memperlihatkan bagaimana struktur budaya berfungsi sebagai mekanisme pembentukan identiti dan solidariti sosial. Ketiga, teori strukturalisme memberikan alat untuk menganalisis mitos dan simbol budaya secara mendalam. Dengan menggunakan konsep oposisi binari dan transformasi, penyelidik dapat mendedahkan lapisan-lapisan makna yang tersembunyi dalam cerita rakyat, ritual dan simbol budaya. Pendekatan ini amat berguna dalam kajian budaya Sabah yang kaya dengan mitos, legenda dan simbol tradisional. Low dan Sim (2020) menunjukkan bagaimana analisis strukturalis terhadap naratif rakyat masyarakat Dusun di Tambunan mampu mendedahkan pemahaman yang lebih mendalam tentang kosmologi dan sistem nilai masyarakat tersebut.

Keterbatasan dan kritikan terhadap teori strukturalisme

Walau bagaimanapun, teori strukturalisme juga menghadapi beberapa kritikan yang perlu diambil kira dalam penggunaannya. Kritikan utama terhadap teori ini ialah kecenderungannya untuk terlalu menekankan struktur dan kurang memberi perhatian terhadap peranan individu dan ejensi manusia dalam membentuk budaya. Teori ini sering dilihat sebagai terlalu deterministik kerana ia seolah-olah menggambarkan manusia sebagai produk pasif daripada struktur sosial tanpa keupayaan untuk mengubah atau menentang struktur tersebut. Kritikan kedua ialah teori strukturalisme sering dikritik kerana mengabaikan dimensi sejarah dalam analisis budaya. Dengan memberi tumpuan kepada struktur sinkronik (pada satu titik masa tertentu), teori ini cenderung untuk mengabaikan bagaimana budaya berubah dari masa ke masa sebagai respons kepada perubahan sejarah dan sosial. Dalam konteks Sabah, perubahan sejarah seperti penjajahan British, pembentukan Malaysia dan pembangunan ekonomi moden semuanya telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap budaya masyarakat tempatan, dan dimensi-dimensi ini sukar untuk ditangkap sepenuhnya melalui analisis strukturalis semata-mata. Kritikan ketiga ialah teori ini cenderung untuk mengabaikan faktor kuasa dan ketidaksamaan sosial dalam analisis budaya. Pendekatan post-strukturalis dan kajian budaya kritikal kemudiannya telah muncul sebagai respons kepada keterbatasan ini, dengan menunjukkan bahawa struktur budaya bukan sahaja mengatur kehidupan sosial, tetapi juga sering berfungsi untuk mengekalkan hierarki kuasa dan ketidaksamaan dalam masyarakat. Barlocco (2011) misalnya menunjukkan bagaimana Pesta Kaamatan bukan sahaja merupakan perayaan budaya semata-mata, tetapi juga arena pertarungan kuasa antara komuniti peribumi dan negara.

Walaupun menghadapi pelbagai kritikan, teori strukturalisme tetap relevan sebagai kerangka analitik asas dalam kajian budaya. Dalam kajian kontemporari, pendekatan ini sering digunakan bersama dengan teori-teori lain seperti post-strukturalisme, teori budaya kritikal dan pendekatan agensi untuk memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang budaya dan masyarakat. Dalam konteks Sabah, penggunaan teori strukturalisme bersama dengan kajian empiris tentang pengalaman hidup masyarakat peribumi dapat memberikan pemahaman yang lebih komprehensif tentang dinamika budaya tempatan.

Relevansi teori strukturalisme dalam konteks Malaysia moden

Dalam kajian budaya kontemporari, teori strukturalisme tetap penting kerana ia membantu sarjana memahami hubungan antara budaya tradisional dengan perubahan sosial moden. Pendekatan ini membolehkan penyelidik melihat bagaimana simbol, ritual dan bahasa membentuk identiti masyarakat serta bagaimana unsur-unsur tersebut berubah dalam menghadapi globalisasi. Dalam konteks Sabah, teori ini memberi ruang untuk memahami bagaimana masyarakat tempatan mengekalkan warisan budaya mereka walaupun berhadapan dengan arus pemodenan yang pesat. Pugh-Kitingan (2012) menunjukkan bahawa bahasa, ritual dan adat resam masih berfungsi sebagai asas pembentukan identiti etnik Kadazandusun walaupun masyarakat semakin terdedah kepada pengaruh global. Kajian oleh Widodo et al. (2025) tentang adaptasi sosiobudaya komuniti diaspora di Sabah menunjukkan bahawa perubahan budaya bukan proses satu hala, sebaliknya ia melibatkan negosiasi berterusan antara identiti lama dan baharu. Ini selaras dengan pandangan strukturalis bahawa perubahan dalam satu bahagian sistem budaya akan memberi impak kepada keseluruhan sistem. Dalam konteks Malaysia yang berbilang kaum dan budaya, pendekatan strukturalis membantu kita memahami bagaimana identiti etnik dan budaya dibina dan dikekalkan melalui sistem simbol, ritual dan bahasa yang kompleks. Atas faktor tersebut hubungan antara struktur budaya tempatan dengan perubahan ekonomi dan politik serantau menunjukkan bahawa identiti komuniti tidak dapat dipisahkan daripada konteks pembangunan dan integrasi wilayah yang lebih luas (Ridzuan et al., 2024b).

Selain itu, teori strukturalisme juga relevan dalam konteks dasar budaya dan warisan di Malaysia. Dengan memahami struktur budaya masyarakat peribumi Sabah, dasar-dasar berkaitan pemuliharaan warisan budaya dapat dibentuk dengan lebih berkesan. Kajian McHattie dan Teo (2024) tentang hubungan peribumi dengan seni kraftangan dan bahan vernakular di Borneo menunjukkan kepentingan memahami dimensi struktural dalam usaha pemeliharaan warisan budaya. Kajian mereka mendedahkan bahawa seni kraftangan bukan sekadar produk budaya material, tetapi merupakan ekspresi pengetahuan dan kebijaksanaan asli yang tertanam dalam sistem budaya yang lebih luas. Perkembangan media digital dan teknologi komunikasi baharu juga memberikan dimensi baharu kepada relevansi teori strukturalisme. Tangit (2024) menunjukkan bahawa bahasa dan identiti budaya Kadazandusun terus diperkukuhkan melalui medium komunikasi kontemporari, manakala Gwerevende dan Mthombeni (2023) menegaskan bahawa teknologi digital berpotensi menjadi medium penting dalam pemeliharaan dan penyebaran warisan budaya tidak ketara kepada generasi muda.Kajian Gwerevende dan Mthombeni (2023) pula menegaskan bahawa usaha pemeliharaan warisan budaya tidak ketara (intangible cultural heritage) seperti bahasa, tarian dan muzik tradisional melalui teknologi digital merupakan komponen penting dalam strategi revitalisasi budaya moden. Akhir sekali, kajian tentang pembinaan kesedaran etnik dan

warisan budaya di Malaysia yang dijalankan oleh Siti Aidah et al. (2022) menunjukkan bahawa identiti etnik di Sabah dibina melalui proses berterusan yang melibatkan pelbagai elemen struktural termasuk bahasa, sejarah, adat resam dan simbol budaya. Kajian ini memberikan sokongan empirikal kepada pandangan strukturalis bahawa identiti budaya bukan sesuatu yang statik atau semula jadi, tetapi merupakan konstruksi sosial yang dibentuk melalui struktur budaya yang dinamik. Dalam konteks ini, teori strukturalisme kekal sebagai kerangka teoritis yang berharga untuk memahami kompleksiti identiti budaya dalam masyarakat Malaysia yang pelbagai.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, teori strukturalisme merupakan satu pendekatan penting dalam memahami hubungan antara struktur sosial dan kehidupan manusia. Teori ini memberikan penjelasan yang sistematik tentang bagaimana budaya, bahasa, simbol dan ritual membentuk pemikiran serta tingkah laku individu dalam masyarakat. Dalam konteks Sabah yang mempunyai kepelbagaian budaya dan etnik, pendekatan strukturalisme amat relevan untuk menganalisis identiti budaya, adat resam dan perubahan sosial yang berlaku akibat globalisasi dan pembangunan moden. Teori strukturalisme memberikan kerangka yang sangat berguna dalam memahami budaya masyarakat Sabah. Melalui analisis terhadap Pesta Kaamatan, ritual tradisional, bahasa, simbol, mitos dan adat resam, teori ini menunjukkan bahawa budaya merupakan satu sistem yang kompleks dan saling berkaitan. Setiap unsur budaya mempunyai makna sosial yang penting dalam membentuk identiti dan hubungan komuniti. Seperti yang dihujahkan oleh Pugh-Kitingan (2012), warisan budaya Kadazandusun tidak hanya terletak pada amalan ritual semata-mata, tetapi turut merangkumi bahasa, sistem nilai dan pandangan dunia yang diwariskan secara turun-temurun. Walaupun masyarakat Sabah mengalami perubahan akibat globalisasi dan pembangunan moden, struktur budaya tradisional masih memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti etnik dan kesinambungan warisan budaya tempatan melalui bahasa, ritual dan adat resam yang diwarisi secara turun-temurun (Pugh-Kitingan, 2012; Hussin, 2005).

Kajian-kajian terkini seperti kajian Widodo et al. (2025), McHattie dan Teo (2024), serta Tangit (2024) memberikan bukti empirikal tentang keberlanjutan relevansi teori strukturalisme dalam menganalisis perubahan dan kesinambungan budaya di Sabah dan Borneo secara keseluruhannya. Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa walaupun berlakunya perubahan sosial yang ketara akibat globalisasi, migrasi dan pembangunan ekonomi, struktur budaya asas masyarakat peribumi Sabah masih mampu bertahan melalui proses adaptasi yang kreatif. Walaupun teori ini menerima kritikan kerana terlalu menekankan struktur dan kurang memberi perhatian terhadap peranan individu, sumbangannya dalam bidang sosiologi dan antropologi budaya tetap signifikan. Pendekatan ini membantu sarjana memahami bagaimana masyarakat mengekalkan identiti dan kestabilan sosial melalui simbol dan ritual budaya. Dalam era moden yang dipengaruhi media sosial dan teknologi digital, teori strukturalisme masih mempunyai relevansi untuk mengkaji bagaimana budaya tempatan berubah dan menyesuaikan diri dengan cabaran semasa melalui proses pemeliharaan bahasa, ritual dan warisan budaya menggunakan medium digital baharu (Tangit, 2024; Gwerevende dan Mthombeni, 2023). Oleh itu, penyelidikan masa hadapan perlu memberi perhatian kepada hubungan antara struktur budaya dan pengalaman individu secara lebih mendalam, khususnya dalam konteks masyarakat Sabah yang semakin kompleks dan dinamik. Kajian tentang

pengaruh media sosial, migrasi dan perubahan ekonomi terhadap budaya tradisional boleh memberikan perspektif baharu terhadap teori strukturalisme dalam konteks Malaysia kontemporari. Pendekatan bersepadu yang menggabungkan teori strukturalisme dengan pendekatan-pendekatan lain seperti teori agensi, post-kolonialisme dan kajian budaya digital akan menghasilkan pemahaman yang lebih holistik tentang dinamika budaya masyarakat Sabah di alaf baharu ini.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

[1] Barlocco, F. (2011): A tale of two celebrations: The Pesta Kaamatan as a site of struggle between a minority and the state in Sabah, East Malaysia. – Asian Journal of Social Science 39(5): 605-626.
[2] Durkheim, E. (1984): The division of labor in society. – Free Press, New York 352p.
[3] Gwerevende, S., Mthombeni, Z.M. (2023): Safeguarding intangible cultural heritage: Exploring the synergies in the transmission of Indigenous languages, dance and music practices in Southern Africa. – International Journal of Heritage Studies 29(5): 398-412.
[4] Hussin, H. (2005): Ritual padi komuniti Kadazan Dataran Penampang, Sabah. – JATI-Journal of Southeast Asian Studies 10: 171-203.
[5] Hussin, R. (2006): Ecotourism and community development: Case studies of Batu Puteh and Sukau villages in Kinabatangan, Sabah, Malaysia. – Doctoral dissertation, University of Glasgow 330p.
[6] Iskandar, R.S.F., Karjanto, N., Kusumah, Y.S., Ihsan, I.R. (2022): A systematic literature review on ethnomathematics in geometry. – Journal on Mathematics Education 13(1): 1-18.
[7] Ku Chun Moi, A. (2019): Cultural convergence in the music and oral traditions of the Kadazan Dusun of Membakut, Sabah. – Universiti Malaysia Sabah 300p.
[8] Lévi-Strauss, C. (1963): Structural anthropology. – Basic Books, New York 410p.
[9] Low, K.O., Sim, C.C. (2020): Birth, initiation and death elements in the folk narrative of the Tambunan Dusun of Sabah, Malaysia. – Malay Literature 33(2): 169-192.
[10] McHattie, L.S., Teo, B.T.W. (2024): Indigenous relations: Craft, vernacular materials and cultural assets in Borneo. – CoDesign 20(1): 194-217.
[11] Pugh-Kitingan, J. (2012): Kadazandusun. – Institut Terjemahan & Buku Malaysia, Kuala Lumpur 200p.
[12] Ridzuan, M.I., Dollah, R., Ikfal Raharjo, S.N. (2024a): Perpindahan Ibu Kota Jakarta ke Kalimantan: Peranan masyarakat Pantai Timur Sabah dalam meminimumkan impak keselamatan nasional. – Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy 51(4): 527-547.
[13] Ridzuan, M.I.M., Jambol, D.J.A., Zulkifli, N., Abdullah, Z. (2024b): Interdependency and reliability in Malaysia-China relations amidst the balance of threat. – Quantum Journal of Social Sciences and Humanities 5(5): 1-10.

[14] Ridzuan, M.I.M., Maraining, A. (2025): Keselamatan makanan: Pemetaan penanaman semula kelapa sawit di Lahad Datu, Sabah. – MANU 36(1): 27-46.
[15] Saussure, F.D. (1983): Course in general linguistics. – Open Court, LaSalle 236p.
[16] Siti Aidah, L.L., Sintang, S., Johnes, J. (2022): Sejarah dan pengalaman hubungan etnik di Sabah: Kesepaduan dalam kepelbagaian. – e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities 19(6): 1-25.
[17] Tangit, T.M. (2024): Conceptualizing the language and cultural ideologies of the Kadazandusun in Sabah, Malaysian Borneo. – Journal on Asian Linguistic Anthropology 6(1): 60-75.
[18] Widodo, S.T., Suyatno, S., Mohamad, B., Ismail, S. (2025): Exploring the changing of name as a socio-cultural adaptation strategy of the Javanese Diaspora in Sabah Borneo-Malaysia. – Frontiers in Sociology 10: 12p.